



No. Sin
No. Pen

■TENTU ada sesuatu yang lucu diperkatakan oleh salah seorang menteri dalam gambar ini hingga Datuk Musa Hitam (kiri tengah) ketawa terbahak-bahak sambil tepuk tangan diperhatikan oleh yang lain.

Mereka berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang untuk mengucapkan selamat mengutuskan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) yang mengetuai rombongan pelaburan ke Eropah semalam.

Di sebelah Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Menteri Kabinet Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Syafie dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah (kiri sekali). — Gambar Berita Harian.

Masalah kurang buruh cekap Pelabur asing tidak akan terjejas—Dr. M

MASALAH pendatang-pendatang haram dan kekurangan buruh yang cekap tidak akan menjejaskan pelaburan asing di negara ini, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Para pelabur asing lebih yakin tentang kestabilan politik dan keteguhan ekonomi negara ini dari masalah-masalah tersebut, tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian sebelum mengetuai rombongan pelaburan Malaysia ke Eropah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang hari ini.

Malaysia, katanya, sentiasa membuka pintunya untuk para

KUALA LUMPUR, Selasa

pelabur asing menanam modal di sini, lebih-lebih lagi mereka yang masih belum membuat sebarang pelaburan di negara ini.

Rombongan pelaburan ke Switzerland, Sweden dan Belanda diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan yang terbesar sekali pernah dilakukan, kesemuanya 70 orang, termasuk wakil-wakil dari sektor swasta.

Semalam 45 orang anggota rombongan tersebut telahpun berlepas ke Zurich semalam, 10 lagi akan berlepas sehari dua ini manakala yang mengiringi Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini

seramai 14 orang, termasuk Pengerusi MIDA, Datuk Jamil Jan.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan bahawa Malaysia menyediakan berbagai bahan mentah dan barangan utama untuk para pengusaha asing, seperti bijih timah, getah, kelapa sawit dan lain-lain.

"Para pelabur asing tidak perlu bimbang akan bahan-bahan mentah itu jika mereka berminat ke sini untuk memprosesnya," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, lawatan rombongan tersebut bertujuan menggalak pelabur-pelabur Eropah ke sini, juga berusaha mewujudkan perhubungan secara langsung dengan sektor swasta di negara ini.

"Kita tidak boleh menunggu kedatangan mereka, kita terpaksa pergi menemui mereka untuk menerangkan potensi-potensi dan peluang-peluang pelaburan yang disediakan di sini," tegas beliau.

Dalam lawatan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir dan rombongannya akan menemui para pengusaha asing, ahli-ahli bank, dan pelabur-pelabur berkenaan.

"Kita perlu terangkan kedudukan negara sebenar, dari segi kestabilan politik, keteguhan ekonomi juga galakan-galakan intensif yang kerajaan sediakan untuk pelabur asing."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, rombongan akan cuba menarik minat pelabur asing untuk memproseskan bahan-bahan makanan di Malaysia berdasarkan keluaran utama di negara ini.

Saya yakin perusahaannya akan lebih menguntungkan memandangkan keperluannya di dalam dan luar negeri semakin meningkat.

Sistematis

Timbalan Perdana Menteri juga menerangkan salah satu tujuan rombongan itu akan cuba menyebarkan teknologi moden ke sini supaya proses pengeluaran dan pembilinan barang-barang berasaskan pertanian lebih moden dan beristematis.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menyebut, sambutan sektor swasta dalam negeri menyertai rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri semakin meningkat kerana faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan yang mereka peroleh.

"Kejayaan-kejayannya yang kita capai sejak tahun 1978 melalui lawatan rombongan sungguh menggalakan dan usaha ke arah itu akan diteruskan dari masa ke masa," tambah beliau.

Hampir semua Menteri Kabinet dan kebanyakan ahli-ahli Parlimen berada di Lapangan Terbang

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia